



JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

MUCANG-MUCANG SEWILAYAH SEMARAK SEMANGAT *SENSE OF BELONGING* WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 18 FEBRUARI 2023 – Jabatan Wilayah Persekutuan dan Agensi dengan kerjasama Majlis Persatuan Penduduk Wilayah Persekutuan, komuniti setempat serta sukarelawan mengadakan program Mucang-Mucang SeWilayah yang memfokuskan kepada aktiviti gotong royong sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2023 di 17 lokasi *hotspot* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Program yang julung kalinya diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini bertujuan untuk memastikan Wilayah Persekutuan terus kekal sebagai bandaraya yang berdaya huni dan selamat serta mampan untuk didiami oleh semua.

Program Mucang-Mucang Sewilayah ini juga memberikan peluang kepada warga Wilayah Persekutuan untuk mengekspresikan perasaan cinta dan sayang serta menyumbang jasa bakti mereka terhadap Wilayah Persekutuan. Di samping itu, ia juga memupuk sikap peduli dalam kalangan Wilayah Persekutuan terhadap persekitaraan mereka. Pendekatan yang tidak melibatkan sebarang kos ini dapat memupuk semangat perpaduan dan membangkitkan semangat *sense of belonging* terhadap Wilayah Persekutuan.

Program yang diadakan serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan disertai oleh pemimpin tempatan, warga kerja Jabatan Wilayah Persekutuan dan Agensi, warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan termasuk penghuni pusat gelandangan dan penjaja/peniaga. Aktiviti utama program Mucang-Mucang SeWilayah ini merangkumi kerja-kerja pembersihan dan *fogging* di tempat-tempat awam, taman-taman rekreasi, pusat-pusat penjaja, pasar awam dan tempat-tempat terpencil yang menjadi kawasan tumpuan pembiakan nyamuk *Aedes* atau *hotspot* wabak Denggi.

Semoga program Mucang-Mucang SeWilayah sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini dapat memupuk semangat perpaduan, kesukarelawan dan cinta terhadap Wilayah Persekutuan dalam sanubari setiap warga Wilayah Persekutuan seiring dengan tema Sambutan Wilayah Persekutuan tahun ini “Wilayah Persekutuan untuk Semua”.

**Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Wilayah Persekutuan
18 Februari 2023**